



# SG Digital



Kit Permulaan  
Untuk Emel

## TAHUKAH ANDA?

Anda boleh menggunakan E-mel untuk menghantar dan menerima mesej di Internet di mana dan bila masa sahaja. Ia cepat dan ringkas kerana pengguna dapat membuat dan menghantar mesej dalam beberapa minit dan berinteraksi dengan banyak orang pada masa yang sama.



### LANGKAH 1 Pasang aplikasi e-mel pada telefon bimbit anda

Pergi ke **Apple App Store**  atau **Google Play Store**  dan muat turun aplikasi mudah alih pilihan. Contoh:

#### Emel:

- Gmail 
- Outlook 
- Yahoo 


### LANGKAH 2 Daftar untuk alamat e-mel




Setelah berjaya memasang aplikasi e-mel, lancarkan aplikasi dan ikuti langkah-langkah ini:

1. Masukkan maklumat anda seperti nama, tarikh lahir, dll.
2. Masukkan alamat e-mel pilihan anda dan buat kata laluan yang kuat.
3. Masukkan nombor telefon bimbit anda (pilihan) sebagai pengesahan tambahan.
4. Anda akan menerima e-mel selamat datang di peti masuk anda. Buka e-mel dan mula meneroka akaun anda!


### LANGKAH 3 Tulis dan hantarkan e-mel




5. Ketik butang '+' untuk mengarang e-mel.



6. Isi alamat e-mel penerima di medan 'Kepada'.  
Ketik ikon anak panah ke bawah untuk memaparkan **CC** dan **BCC** masing-masing.



7. Taipkan mesej yang ingin anda hantar dan ketik ikon  untuk menghantar e-mel kepada penerima.

Catatan: Aplikasi mudah alih e-mel yang berbeza mungkin mempunyai ikon yang berbeza.

### Petua keselamatan siber (Kredit: Cyber Security Agency of Singapore)

- **Sentiasa** periksa sumber e-mel. Jangan klik pada pautan atau lampiran yang mencurigakan di badan e-mel.
- **Jangan** mendedahkan maklumat peribadi atau kewangan melalui e-mel.
- Apabila tersedia, aktifkan pengesahan 2 faktor (2FA) sebagai lapisan pengesahan tambahan.